



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


13 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 497 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 224,918 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Keningau, Kota Belud, Kota Kinabalu, Kudat dan Pitas. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 545 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 214,129 orang. Manakala 1,659 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 678 orang di hospital, 958 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 22 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 69 orang merangkumi 65 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 66 (36.07%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Kebanyakan daerah mencatat penurunan kes baharu hari ini kecuali beberapa daerah seperti Penampang, Papar dan Tenom yang mendaftar pertambahan yang agak tinggi. Cuma Kota Kinabalu dan Tuaran mencatatkan kes-kes jangkitan di atas paras angka (50) kes.
- b Jumlah kes baharu bagi Sabah hari ini ialah (497) kes, penurunan (-114) kes berbanding angka semalam.
- c Kes-kes jangkitan secara sporadik kekal tinggi, yakni 36.2% daripada jumlah keseluruhan. Kes-kes yang berlaku secara sporadik dikesan apabila pesakit mengalami gejala-gejala jangkitan virus COVID-19 dan seterusnya menjalani saringan kesihatan. Kes-kes Saringan Bergejala ini sukar menentukan ‘kes indeks’ mahupun tempat dimana jangkitan berlaku. Yang pasti ialah jangkitan berlaku kerana kelalaian mematuhi SOP seperti penjarakan fizikal atau penggunaan pelitup muka.
- d Seperti yang seringkali diperingatkan, pengambilan vaksin tidak memberi kita perlindungan seratus peratus (100%) daripada jangkitan. Ia sekadar melindungi badan kita daripada mengalami kesan-kesan jangkitan yang serius yang memerlukan rawatan di hospital dan penjagaan rapi.
- e Statistik jangkitan yang dicatat hari ini menunjukkan 66.8% pesakit adalah mereka yang telah melengkapkan pengambilan vaksin. Angka yang tinggi ini agak membimbangkan kerana ia mencerminkan sikap alpa dan tidak peduli sebahagian besar mereka yang sudah lengkap divaksin daripada mematuhi semua SOP. Mereka mungkin berandaian mereka sudah kebal daripada jangkitan virus setelah melengkapkan pengambilan vaksin.

- f Hakikatnya mereka tidak kebal daripada jangkitan. Vaksin sekadar melindungi pesakit daripada kesan serius jangkitan COVID-19. Ini terbukti dengan 98% kes hari ini hanyalah pesakit-pesakit dalam Kategori 1 & Kategori 2 yang tidak memerlukan rawatan di hospital. Tetapi harus diingat bahawa tidak kira dalam apapun kategori, seorang pesakit tetap pembawa virus dan boleh menjangkiti ahli-ahli keluarga lain di rumah.
- g Seperti yang dinyatakan di atas hampir 98% kes-kes jangkitan hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, yang hanya memerlukan rawatan dan pemantauan di rumah atau PKRC. Hanya lapan (8) kes yang dianggap serius dan memerlukan rawatan di hospital termasuk rawatan rapi, yakni empat (4) orang dalam Kategori 3, tiga (3) orang dalam Kategori 4 dan satu (1) orang sahaja dalam Kategori 5. Sebanyak lima (5) kes lagi masih dalam penilaian pihak JKNS.
- h Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (284) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	180	36.22%
3	Kontak	284	57.14%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	33	6.63%
JUMLAH		497	100%

- b** Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (12 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 12/11/2021	Catatan Kes 13/11/2021	Perbandingan
1	Penampang	28	42	+14
2	Papar	20	33	+13
3	Tenom	17	29	+12
4	Tuaran	53	61	+8
5	Keningau	16	22	+6
6	Sandakan	8	13	+5
7	Telupid	2	6	+4
8	Kalabakan	0	2	+2
9	Kunak	2	3	+1
10	Kinabatangan	15	15	Mendatar
11	Sipitang	12	12	Mendatar
12	Kuala Penyu	8	8	Mendatar
13	Pitas	5	5	Mendatar
14	Semporna	1	1	Mendatar
15	Tongod	0	0	Mendatar
16	Kota Belud	68	23	-45
17	Beaufort	52	19	-33
18	Ranau	49	30	-19
19	Kudat	32	16	-16
20	Kota Kinabalu	95	80	-15
21	Beluran	17	3	-14
22	Tambunan	25	13	-12
23	Putatan	19	11	-8
24	Tawau	14	7	-7
25	Kota Marudu	40	35	-5
26	Lahad Datu	12	8	-4
27	Nabawan	1	0	-1
JUMLAH		611	497	-114

c) Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (30 Oktober – 12 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	40	34	0	6	80	943
Tuaran	0	47	12	0	2	61	581
Penampang	0	24	18	0	0	42	396
Kota Marudu	0	18	16	0	1	35	525
Papar	0	25	7	0	1	33	279
Ranau	0	18	8	0	4	30	571
Tenom	0	19	9	0	1	29	312
Kota Belud	0	18	4	0	1	23	628
Keningau	0	12	8	0	2	22	266
Beaufort	0	6	9	0	4	19	521
Kudat	0	4	11	0	1	16	273
Kinabatangan	0	13	1	0	1	15	141
Tambunan	0	6	6	0	1	13	294
Sandakan	0	7	6	0	0	13	183
Sipitang	0	5	6	0	1	12	132
Putatan	0	3	8	0	0	11	199
Lahad Datu	0	4	3	0	1	8	187
Kuala Penyu	0	6	2	0	0	8	89
Tawau	0	3	2	0	2	7	219
Telupid	0	2	2	0	2	6	122
Pitas	0	1	4	0	0	5	198
Beluran	0	0	2	0	1	3	125
Kunak	0	2	0	0	1	3	24
Kalabakan	0	1	1	0	0	2	7
Semporna	0	0	1	0	0	1	26
Nabawan	0	0	0	0	0	0	41
Tongod	0	0	0	0	0	0	31
JUMLAH	0	284	180	0	33	497	7,313

- 6 Tiada **Kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 5,986 unit
- Hospital 1,777 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,719 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 27.71%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 13 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	493
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
Jumlah	497

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	470
Bukan Malaysia	27
Jumlah	497

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	101
Belum Menerima Vaksin	59
Menerima 1 Dos	5
Lengkap 2 Dos	332
Jumlah	497

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1 to 5	42
6 to 11	54
12 to 17	18
18 to 25	72
26 to 59	242
>60	64
Jumlah	497

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 12 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,248 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,081 orang adalah penduduk dewasa dan 1,167 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 12 November 2021 adalah seramai 2,433,688 orang. Ini meliputi 2,101,987 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.20% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,372,264 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,073,215 orang atau 75.16% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 331,701 orang atau 76.43% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 299,049 atau 68.91% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **676,575** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,805 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 151 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,059 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Pada hari ini dua (2) kompaun telah dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang. Kompaun dikeluarkan kepada orang awam atas kesalahan gagal mendaftar masuk ke dalam premis dengan menggunakan aplikasi MySejahtera.
 - iii Dua (2) notis dikeluarkan oleh Majlis Daerah Lahad Datu kepada pemilik premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 344 Premis Perniagaan melibatkan 217 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.

- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 133 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 101 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.5%
2	Beaufort	98.5%
3	Kota Kinabalu	98.5%
4	Sandakan	98.5%
5	Tuaran	98.5%
6	Sipitang	98.5%
7	Tenom	98.5%
8	Keningau	98.5%
9	Semporna	98%
10	Kinabatangan	98%
11	Ranau	98%
12	Tawau	98%
13	Lahad Datu	98%
14	Beluran	98%
15	Kota Marudu	98%
16	Papar	98%
17	Kudat	98%
18	Kota Belud	98%
19	Penampang	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**